



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 FEBRUARI 2025 (RABU)

Zoo mini tarikan baharu pelancongan di Pasir Puteh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	15	19 Feb

Zoo mini tarikan baharu pelancongan di Pasir Puteh

PASIR PUTEH – Persatuan Kebajikan as-Salikin Seling membuka sebuah zoo mini, D' Jiwa Animal Garden dengan peruntukan sebanyak RM300,000 di Kampung Padang Pak Omar di sini dalam usaha untuk menarik pelancong ke daerah ini.

Pengurus D' Jiwa Animal Garden, Mohd. Falez Mohd. Fauzi berkata, zoo yang berkonsepkanintai haiwan yang dibina sejak enam bulan lalu di kawasan seluas 0.4 hektar dengan 35 spesies unggas, kucing, anab, kambing dan kuda mula dibuka kepada pengunjung bermula semalam.

Katanya, lebih 30 unit sangkar yang menempatkan pelbagai jenis ayam dan burung seluruh dunia dapat disaksikan di lokasi berkenaan.

"Kami menerima bantuan Jati Madani sebanyak

RM200,000 dan sumbangan ahli Persatuan Kebajikan as-Salikin sebanyak RM100,000 berjaya menebus guna tanah terbiar di pinggir Sungai Padang Pak Omar.

"Ia bakal menjadi destinasi persinggahan selain lokasi pelancongan baharu di daerah ini khususnya penggemar haiwan dengan bayaran masuk serendah RM7," katanya *Kosmo!* semalam.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Jasri Kasim hadir menyempurnakan perasmian pembukaan zoo mini berkenaan yang dilengkapi dengan kawasan parkir dan lokasi untuk berehat.

Mohd. Falez berkata, lokasi itu akan terus dibangunkan dengan penanaman pokok hutan selain menambah koleksi haiwan untuk tontonan umum.



MOHD. FAIEZ (kanan) membawa Jasri (dua dari kanan) melawat haiwan kandang di D' Jiwa Animal Garden, Seling di Pasir Puteh semalam.

'Kubur " kucing jalanan sesak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	15	19 Feb



'Kubur' kucing jalanan sesak

REMBAU - Seorang penyelia pam minyak dan rakannya sudah kering air mata apabila terpaksa menanam lebih 50 bangkai kucing akibat dilanggar kenderaan di Jalan Seremban-Tampin di sini sejak 10 tahun lalu.

Mohammad Firdaus Zulkipli, 34, berkata, tempat kerjanya dan kawasan medan selera berdekatan menjadi lokasi orang membuang kucing dan anak-anaknya yang baru dilahirkan.

Katanya, kira-kira 50 kucing yang mati akibat digilis dan dilanggar sejak dia bekerja di situ. "Kami tidak sampai hati biarkan bangkai kucing itu. Kami akan bangkai kucing itu. Kami tanam di kawasan lapang hingga kucing sudah sesak. Jika digilis, kemungkinan akan tertimpa tulang kucing.

"Tolonglah jangan buang lagi kucing di kawasan ini kerana ia mengundang risiko haiwan itu mati dilanggar," kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Perikanan dari Universiti Malaysia Terengganu itu.

Menurut Mohammad Firdaus, pemilik stesen minyak membebankan dia memberi makan kepada kucing asalkan perlu menjaga kebersihan.

Tambahnya, apa yang membuatkan mereka sedih apabila nampak kucing mati digilis.

"Ada kucing kurus sudah gemuk dan sihat apabila kami beri makan. Namun tidak lama kemudian ia mati digilis hindangkan saya membawa pulang tiga ekor kucing jalanan untuk dirawat," katanya.

Ujar Mohammad Firdaus, seekor kucing diberi nama Jerry dibawa balik pada 2021 hingga menjadi kesayangan arwah bapanya, Zulkipli Md Isa, 66.

"Seekor lagi dinamakan nama Lucy," katanya.

MOHAMMAD FIRDAUS (kanan) menunjukkan kawasan pusara kucing jalanan berdekatan sebuah stesen minyak di Rembau semalam.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR